

PEMBUKTIAN BERASASKAN KESAKSIAN TUNGGAL DAN SUMPAH PLANTIF BERKAITAN PENGESAHAN STATUS DOKUMEN TANAH ADAT

Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail¹, Lukman Abdul Mutalib², Ahmad Syukran Baharuddin³,
Mualimin Mochammad Sahid⁴, Hasnizam Hashim⁵, Norma Jusof⁶ & Mahmood Mohamed
Ali⁷.

¹ Profesor P.hD., fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800
Nilai Negeri Sembilan. wanfattah@usim.edu.my

¹ Profesor Madya P.hD, fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai
71800 Nilai Negeri Sembilan. lukman@usim.edu.my

¹ Pensyarah Kanan P.hD, fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru
Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan. ahmadsyukran@usim.edu.my

¹ Pensyarah Kanan P.hD, fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru
Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan. Mualimi.sahid@usim.edu.my.

¹ Pensyarah Kanan P.hD, fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru
Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan. hasnizam@usim.edu.my.

¹ Pegawai Pendidikan, P.hD. Kementerian Pendidikan Malaysia. normafattah@gmail.com.my

¹ Pensyarah Kanan P.hD, fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru
Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan. mahmoud.mohamed@usim.edu.my.

Abstrak

Pendakwaan yang sah adalah pendakwaan yang disokong dengan keterangan yang kukuh dan dapat meyakinkan pihak mahkamah. Tanpa keterangan yang kukuh, pendakwaan tersebut tidak akan dilayan oleh hakim dan dianggap sebagai membazir masa pihak mahkamah. Dalam prinsip keterangan Islam, mahkamah akan memberi ruang secukupnya bagi mana-mana pihak pendakwaan mengemukakan mana-mana kaedah pembuktian asalkan ia diiktiraf syarak termasuklah melalui 'kesaksian tunggal dan sumpah plantif'. Dalam kitab-kitab fiqh, terdapat perselisihan di kalangan ulama mengenai penerimaan 'kesaksian tunggal dan sumpah plantif' dalam pembuktian. Namun secara umumnya 'kesaksian tunggal dan sumpah plantif' boleh diterima dalam kes-kes berkaitan dengan mal termasuklah melibatkan pengesahan status dokumen tanah adat. Dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, terdapat peruntukan tentang penerimaan 'kesaksian tunggal dan sumpah plantif berkaitan dengan mal'. Dalam kertas kerja ini akan membincangkan konsep pembuktian, konsep kesaksian, sumpah dan juga kebolehterimaan kesaksian tunggal dan sumpah plantif dalam kes-kes mal. Selain itu juga, kerja ini akan membincangkan secara ringkas mengenai penerimaan kesaksian tunggal dan sumpah plantif berkaitan penentuan status dokumen tanah adat.

Kata Kunci: *Pembuktian, Kesaksian, Sumpah, tanah dan Adat.*

PENDAHULUAN

Mahkamah tidak akan melayan mana-mana tuntutan melainkan dikemukakan bukti dan hujah yang kukuh. Dalam kes *Mal*, sekiranya pihak yang mendakwa gagal kemukakan keterangan yang meyakinkan, maka mahkamah akan mengarahkan sumpah dilaksanakan oleh defendan. Walaupun begitu, mahkamah akan memberi peluang, ruang seluas-luasnya dan waktu secukupnya untuk pihak *mudda'i* kemukakan hujah-hujah mereka walaupun dengan kesaksian tunggal dan sumpahnya sendiri terutama yang melibatkan tuntutan pengesahan status dokumen tanah adat di sesuatu tempat. Dari sudut praktis adat di Malaysia, terdapat dua jenis hukum adat, iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung⁸. Adat Perpatih dan Adat Temenggung mempunyai perbezaan dalam aspek kawasan dan pengasasan, bentuk dan pelaksanaan, pemerintahan, pelaksanaan undang-undang, pembahagian harta, kekeluargaan dan perkahwinan. Mengikut sejarahnya, Adat Perpatih berasal dari Pagar Ruyung, Sumatera yang diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang yang menjaga kawasan tanah sebelah darat. Di Malaysia, adat ini diamalkan di Negeri Sembilan dan Nanning. Dipercayai ianya dibawa ke Negeri Sembilan oleh orang Minangkabau sejak pada kurun ke 17 lagi. (Mualimin M.S et.al. 2017)

Pembuktian dengan kesaksian tunggal dan sumpah plantif sememangnya menjadi isu perdebatan di kalangan para ulama sama ada menerimanya dalam atau sebaliknya. Selain itu juga, ruang lingkup sumpah turut menjadi perdebatan di kalangan ulama, adakah ia hanya terhad kepada pihak defendan semata-mata (*yamin asliyyah*) atau ia juga boleh diguna pakai kepada pihak lain termasuk plantif. Perkara ini akan di perjelaskan dalam kertas kerja ini. Selain itu sejauh manakah kekuatan kesaksian tunggal dan plantif dalam menentukan kekuatan dalam mensabitkan dakwaan terhadap status sesuatu tanah adakah ia bersifat tanah adat ataupun sebaliknya.

PEMBUKTIAN DAN KEPENTINGANNYA

Menurut al-Zuhailiy (1994), 'Pembuktian' atau *ithbat* merujuk kepada "proses penghakiman dengan mensabitkan sesuatu hak atau kejadian dengan mengemukakan keterangan-keterangan" (al-Zuhailiy, 1994). Pembuktian juga dikatakan "mengemukakan dalil atau hujah di mahkamah atau hadapan hakim

⁸Adat Temenggung (عادت تمغونغ) merupakan undang-undang adat Minangkabau yang diamalkan di Negeri-Negeri Melayu (pada asalnya bermula daripada Kesultanan Melayu Melaka sebelum diwarisi turun temurun oleh negeri-negeri Melayu yang lain) kecuali Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih. Adat ini diasaskan oleh Datuk Ketemenggungan (abang tiri kepada Datuk Perpatih Nan Sebatang yang mengasaskan Adat Perpatih) yang berasal dari Sumatera. Wujudnya istilah "Adat Temenggung" adalah berkait dengan munculnya istilah "Adat Perpatih" kerana istilah ini tidak ada dalam budaya Melayu yang awal. Disebabkan oleh Adat Temenggung diamalkan di hampir semua negeri-negeri Melayu, maka Adat Temenggung telah bercampur dengan undang-undang adat Melayu sedia ada yang mempunyai nama yang berbeza mengikut negeri. Antaranya ialah Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang Kedah. (https://ms.wikipedia.org/wiki/Adat_Temenggong, 30 September 2022)

menurut kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak berkaitan dengan tuntutan sesuatu hak atau kejadian yang memberi kesan kepada penghakiman" (al-Majma'al-A'la lisyu'un al-Islamiyyah, 1387H). Ringkasnya, kesemua takrifan dan definisi pembuktian yang dikemukakan adalah hampir sama, iaitu merujuk kepada pengemukakan dalil-dalil yang diiktiraf oleh syarak di hadapan majlis kehakiman. Oleh yang demikian, pembuktian dalam makna khusus boleh dikatakan sebagai "suatu proses untuk meyakinkan hakim dalam perbicaraan di mahkamah tentang kebenaran sesuatu dakwaan dengan mengemukakan dalil-dalil menurut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak, sama ada dakwaan tersebut berkaitan dengan hak Allah SWT atau hak manusia".

Terdapat beberapa dalil yang menyatakan betapa pentingnya pembuktian dan keterangan dalam membantu hakim membuat keputusan yang tepat, antaranya hadith masyhur yang telah diriwayatkan oleh Ummu Salamah ra, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

"Aku hanyalah manusia biasa, dan kamu semua seringkali mengadukan perbalahan kepada ku, barang kali terdapat sebahagian di antara kamu lebih pandai membuat penghujahan berbanding dengan pihak lain. Maka akan aku buat keputusan berdasarkan apa yang telah ku dengar. Maka barang siapa yang telah ku putuskan berpihak kepadanya sedangkan dia mengetahui itu adalah hak saudaranya, janganlah ia mengambilnya, kerana sesungguhnya ia menyamai aku tentukan baginya sepotong dari api neraka". (al-Bukhari. 1422h)

Dalam Hadith lain yang telah diriwayatkan oleh Tarmizi, Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

Sesungguhnya keterangan perlu dikemukakan oleh pihak yang mendakwa (Mudda'i), dan sumpah bagi pihak yang didakwa (Mudda'a alaih). (Tarmizi, 1975)

Kedua-dua hadith ini menunjukkan betapa pentingnya pembuktian dalam mensabitkan sesuatu dakwaan atau tuntutan, termasuklah pengesahan sesuatu status tanah adat atau sebaliknya. Islam akan menerima mana-mana kaedah pembuktian yang diiktiraf syarak termasuklah kesaksian tunggal dan plantif yang melibatkan pengesahan status tanah adat. Kenyataan ini secara tidak langsung menepati makna keterangan itu sendiri iaitu: Setiap penjelasan dan penzahiran kebenaran terhadap sesuatu perkara atau isu (Ibn Qayyim, 2002).

KESAKSIAN DAN SUMPAH (AL-YAMIN AL-QADHA'IYYAH) SERTA KEKUATANNYA DALAM PEMBUKTIAN

Terdapat di kalangan para ulama menyatakan ikrar merupakan penghulu kaedah pembuktian. Namun pada waktu yang sama, sebahagian ulama menyifatkan kesaksian (syahadah) adalah penghulu bagi kaedah pembuktian. Di sini jelas menunjukkan ketinggian status kesaksian dalam pembuktian yang disepakati oleh keseluruhan para ulama. Kesaksian boleh ditakrifkan sebagai (Abd al-Mutalib, 2007):

إخبار الشخص بحق لغيره بلفظ أشهد

Pemberitahuan tentang sesuatu hak atau kepentingan bagi orang lain dengan menggunakan lafaz Asyhadu yang bermaksud “Aku bersaksi”.

Menurut seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 kesaksian merujuk kepada “*Apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz “asyhadu” untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan*”.

Pensyariatan kesaksian telah dinyatakan dengan jelas dalam nas-nas al-Quran dan Hadith Nabi SAW di antaranya, firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan. (Al-Baqarah. 2:283)

Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu. (Al-Maidah. 5:106)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dari al-Asy bin Qais, dia telah berkata, “telah berlaku perselisihan antara aku dan seorang lelaki mengenai perigi, kemudian kami membuat pengaduan kepada Rasulullah SAW, maka baginda bersabda bawalah bagi pihak kamu dua saksi atau sumpahnya”. (al-Bukhari, 1407H):

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Mahukah aku beritahu siapa sebaik-baik saksi?” Lalu baginda menjelaskan; “Ia itulah orang yang memberi kesaksiannya sebelum ia diminta memberi kesaksian”. (Muslim, t.th):

Sumpah pula merupakan kaedah pembuktian yang disepakati oleh para ulamak sekalipun terdapat beberapa perbezaan dari segi syarat-syarat dan juga praktisnya. Sebenarnya, terdapat beberapa pandangan para ulama mengenai definisi sumpah. Maka sumpah ialah pengukuhan terhadap pensabitan atau penafian sesuatu hak

dengan bersaksikan Allah s.w.t di hadapan hakim. Berdasarkan definisi ini, pihak yang bersumpah akan menjadikan Allah SWT sebagai saksi terhadap kebenaran yang telah dilafazkan. Ini adalah kerana hanya Allah SWT Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan nyata di sebalik sumpah yang dibuat. Ini jelas menunjukkan terdapat perbezaan antara pembuktian melalui sumpah kehakiman dan kesaksian. Sumpah kehakiman meletakkan Allah s.w.t sebagai saksi, manakala pembuktian melalui kesaksian yang menjadikan manusia saksinya (al-Zuhaily, Muhammad 1994).

Terdapat nas-nas secara jelas mengiktiraf sumpah sebagai kaedah pembuktian yang boleh dijadikan hujah dalam membuat penghakiman:

Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh (surah al-Ma'idah, 5: 89).

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya (Muslim, 1992).

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Daripada Alqamah ibn Wa'il bin Hajar al-Hadhrami: "Seorang lelaki dari Hadramaut dan seorang lelaki dari Kindah telah datang menemui Rasulullah SAW, kemudian lelaki dari Hadramaut itu berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki ini telah merampas tanah kepunyaanku." Lalu lelaki dari Kindah itu menjawab: "Tanah itu kepunyaanku dan ia ada di bawah penguasaanku dan dia tidak berhak ke atas tanah itu." Lalu Nabi SAW berkata kepada lelaki dari Hadramaut itu: "Adakah engkau mempunyai bayinah?" Jawab lelaki dari Hadramaut: "tidak ada." Nabi berkata kepada lelaki dari Hadramaut: "Kalau begitu, bagi engkau sumpahnya (boleh memintanya bersumpah menafikannya)". Mendengar jawapan Nabi itu, lelaki dari Hadramaut itu berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki itu seorang yang buruk perangainya; ia tidak kisah kalau diminta bersumpah (sanggup bersumpah walaupun tidak benar), dan dia bukan seorang yang menjauhkan dirinya daripada dosa." Jawab Nabi: "Tiada bagi engkau darinya melainkan demikian (yakni minta dia bersumpah)" (Abu Daud, t.th).

Dalam Seksyen 72 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ada memeruntukkan: *“Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-Mudda’ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudda’a ‘alaih)”*.

PENERIMAAN KETERANGAN MELALUI KESAKSIAN TUNGGAL DAN SUMPAH PLANTIF

Para ulamak bersepakat asal pensyarian sumpah adalah hujah kepada pihak defendan. Namun ulama berselisih, adakah pihak selain defendan berhak untuk laksanakan sumpah termasuklah plantif. Namun di sini penulis ingin menjelaskan serba sedikit mengenai nisab kesaksian khususnya berkaitan dengan mal yang membabitkan pengesahan dokumen tanah adat.

Nisab bermaksud kadar atau bilangan minima saksi yang diterima oleh syarak bagi mensabitkan sesuatu pendakwaan atau tuntutan. Nisab saksi merujuk kepada bilangan saksi dan juga jantina saksi sama ada lelaki atau perempuan. Hal ini kerana tidak semua kes dapat menerima kesaksian perempuan. Sesetengah kes hanya menerima saksi lelaki sahaja dan kadang-kadang terdapat kes yang boleh digabungkan saksi lelaki serta saksi perempuan. Selain itu terdapat juga kes-kes tertentu boleh menerima saksi perempuan sahaja jika tidak terdapat saksi lelaki. Nisab kesaksian boleh dibahagikan kepada lapan bahagian, iaitu nisab kes zina, nisab bagi kes hudud dan qisas tidak termasuk zina, nisab selain daripada kes hudud, qisas dan harta, nisab bagi kes harta, seorang saksi dan sumpah plantif, kesaksian wanita tanpa lelaki, saksi tunggal dan kesaksian tiga lelaki. Namun fokus dalam kertas kerja ini hanya kepada *“Kesaksian Tunggal Dan Sumpah Plantif”*.

Para ulama berselisih bagi penghakiman dibuat berdasarkan sumpah Plantif dan disokong keterangan seorang saksi. Menurut jumhur fuqaha yang terdiri daripada Imam Malik, Shafi’e, Ahmad, Daud al-Zahiri dan Abu Thaur, hakim boleh mensabitkan kes dan membuat keputusan berdasarkan keterangan seorang saksi dan sumpah plantif dalam kes-kes yang berkaitan dengan harta (Malik ibn Anas, 1994, al-Mawardi, 1999, Ibn Qudamah, 1996). Manakala Abu Hanifah, sahabat-sahabatnya, al-Auza’i, Sya’bi, jumhur ulama Iraq dan sebahagian Malikiyah berpendapat bahawa hakim tidak boleh membuat keputusan berdasarkan sumpah dan seorang saksi (al-Kasaniy, 1986 & al-Qurtubiy, 1980). Para ulama Hanafi berhujah berdasarkan hadis yang diriwayatkan al-Baihaqiy (1992):

البينة على المدعي واليمين على من أنكر

Keterangan ke atas pihak yang mendakwa dan sumpah ke atas pihak yang menafikan.

Hadis ini memisahkan antara *bayyinah* dan *al-yamīn* (sumpah); ia menunjukkan darjat *bayyinah* dan *al-yamīn* adalah berbeza. Sekiranya *al-yamīn* dibenarkan kepada pihak *mudda'i* atau dalam perkataan lain, kedudukan *mudda'a alaih* dan *mudda'i* adalah sama taraf, sudah tentu hadis akan menyebut:

البينة على المدعي والبينة على المدعى عليه

Keterangan ke atas pihak yang mendakwa dan keterangan ke atas pihak yang menafikan.

Namun hujah Hanafi ini ditolak kerana *bayyinah* berada di pihak *mudda'i* sebagai pihak yang lemah dan mereka perlu mendatangkan *bayyinah* untuk menguatkan hujah-hujah mereka. Sebaliknya *al-yamīn* merupakan hujah yang lemah berbanding dengan *bayyinah*, namun ia berada di pihak yang kuat, iaitu *mudda'a alaih* dan memadai bagi *mudda'a alaih* menggunakan hujah yang lemah untuk menolak dakwaan yang lontarkan kepada mereka.

Jumhur berpendapat bahawa harus dijatuhkan hukuman berdasarkan sumpah di pihak *al-mudda'i* dan seorang saksi, iaitu pendapat yang rajih berdasarkan hadis berikut (al-Tarmizi, 1975):

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِالْيَمِينِ مَعَ الشَّاهِدِ الْوَاحِدِ

Sesungguhnya Rasulullah SAW telah membuat penghukuman berdasarkan yamīn al-mudda'i dan seorang saksi.

Jelaslah kes-kes yang boleh dibuktikan dengan sumpah *al-mudda'i* dan seorang saksi melibatkan kes-kes *mal* dan yang ada kaitan dengannya sahaja - termasuklah pengesahan status dokumen tanah adat -, sementara kes hudud (dan qisas) tidak diharuskan sama sekali (al-Zuhailiy, 1997). Pandangan ini bertepatan dengan Seksyen 88 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997: *Jika dalam kes mal, plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan berserta dengan sumpah plaintif itu.*

Adakah tempat seorang saksi lelaki dan sumpah plaintif boleh digantikan dengan dua saksi perempuan berserta sumpah plaintif dalam kes-kes harta? Para ulama berselisih pandangan dalam hal ini. Menurut Mazhab Syafii dan Hanbali, dua saksi wanita berserta sumpah plaintif tidak boleh mengambil tempat seorang saksi lelaki berserta sumpah plaintif. Hal ini kerana wanita bersifat lemah dan tidak mampu membawa beban kesaksian secara bersendirian tanpa bersama lelaki. Selain itu juga para ulama bersepakat menyatakan empat saksi perempuan tidak boleh menggantikan kedudukan dua saksi lelaki. Maka dua saksi perempuan juga patut ditolak dan tidak boleh menggantikan kedudukan seorang saksi lelaki dan sumpah plaintif (al-Zuhailiy, 1994).

Menurut mazhab Maliki dan satu daripada pendapat Ahmad bahawa dua saksi perempuan berserta sumpah plaintif dalam kes-kes harta adalah diterima. Pandangan ini bersandarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 282 maksudnya:

“dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi”

Ayat tersebut secara jelas menyatakan bahawa kedudukan dua saksi perempuan adalah bersamaan dengan seorang saksi lelaki. Selain itu dalam hadis yang telah diriwayatkan al-Bukhari (1422) bahawa nabi pernah bertanya kepada sekumpulan wanita:

«أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلَ نِصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ؟»، قُلْنَ: بَلَى

“Bukankah kesaksian kalian itu hanya setengah dari kesaksian laki-laki?” Mereka menjawab, “Benar.”

Sekalipun wanita seorang yang lemah pada zahirnya, namun akan menjadi kuat apabila bergabung dan pandangan ini sepatutnya diterima pakai. Kerana wanita yang adil, benar dan amanah statusnya adalah sama seperti lelaki. Kesaksian dua wanita dan sumpah plaintif yang tidak diterima akan mendedahkan kezaliman kepada pihak yang berhak. Lebih-lebih lagi dalam keadaan ketiadaan lelaki yang layak untuk menjadi saksi (Ibn Qayyim, 2002 & al-Zuhailiy, 1994). Maka dapat disimpulkan di sini, kesaksian lelaki tunggal atau kesaksian dua wanita dan sumpah plantif sepatutnya juga dapat diterima pakai dalam pembuktian khususnya dalam kes-kes mal termasuklah berkaitan dengan kes-kes melibatkan tanah adat.

PENERIMAAN KESAKSIAN TUNGGAL DAN SUMPAH PLANTIF DALAM KES TANAH ADAT MENURUT KETERANGAN ISLAM.

Sistem pewarisan atau pembahagian tanah pusaka ini dalam amalan adat Perpatih adalah berdasarkan kepada garis keturunan ibu iaitu hanya pihak perempuan sahaja yang akan mewarisi harta ini dan bukan pihak lelaki. Perkara ini telah menjadi isu yang sangat kontroversi dan hangat dibincangkan dalam pelbagai peringkat. Adat Minangkabau adalah peraturan dan undang-undang atau hukum adat yang diamalkan dalam kehidupan sosial masyarakat Minangkabau, khasnya yang bertempat tinggal di Ranah Minang (Sumatera Barat). Selain di Ranah Minang, adat Minangkabau juga diamalkan secara turun temurun oleh masyarakat Minang yang berada di perantauan di luar wilayah Minangkabau, seperti di Negeri Sembilan⁹, Malaysia. Dari segi amalan adat Perpatih di kalangan masyarakat Minang, sama ada

⁹ Walaupun dikatakan Negeri Sembilan mengamalkan Adat Perpatih, tetapi sebenarnya ianya hanya menjadi amalan di daerah-daerah tertentu sahaja seperti Jelebu, Jempol, Kuala Pilah dan Rembau. Daerah yang berdekatan dengan pesisir pantai seperti Port Dickson merupakan daerah yang mengamalkan adat Temenggong (Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2009).

di Sumatera Barat, Indonesia mahupun di Negeri Sembilan, Malaysia, seluruh harta pusaka tinggi diturunkan kepada anggota keluarga perempuan dari garis keturunan ibu. Oleh kerana itulah menjadi isu yang diperdebatkan dan menimbul kontroversi di kalangan ulama dan masyarakat. (Mualimin Mochammad Sahid et.al. 2017)

Pewarisan harta haruslah dilaksanakan bersesuaian dengan hukum faraid sepertimana yang digariskan surah an-Nisa' ayat: 11-12 sama ada bagi pihak perempuan atau laki-laki. Teramat jelas bahawa pembahagian harta pusaka mengikut kaedah dan sistem Tanah Adat yang dilaksanakan pada masa ini adalah tidak bertepatan dengan hukum Syarak kerana hak bagi setiap waris sememangnya telah ditetapkan oleh Allah melalui nas yang jelas dan *qat'ie*. Justeru, adalah tidak harus untuk meneruskan amalan ini. Walau bagaimanapun terdapat kaedah yang membolehkan pengamal sistem Tanah Adat untuk terus melaksanakan sistem ini tetapi bukan kerana sengaja mencari helah untuk melakukan sesuatu yang dilarang, namun dengan niat untuk melindungi hak wanita yang sememangnya dipelihara oleh Islam. Kaedahnya ialah dengan menggunakan kaedah, **pertama: wakaf zurriy atau wakaf keluarga, kedua: kaedah hibah dan ketiga melalui kaedah Hibah amanah.** Ketiga-tiga kaedah ini adalah bertepatan dengan hukum syarak dan dalam masa yang sama masih boleh melindungi hak wanita sepertimana yang diamalkan oleh sistem Tanah Adat. (Mualimin Mochammad Sahid et.al. 2017)

Amalan secara terperinci mengenai tanah adat bukanlah matlamat kertas kerja ini. Sebaliknya perbincangan hanya menjurus kepada persoalan sejauh manakah penerimaan sumpah *al-mudda'i* dan seorang saksi sebagai kaedah pembuktian melibatkan pengesahan status tanah adat. Terdapat para ulama telah menyatakan, tidaklah menjadi kesalahan konsep tanah diteruskan atas dasar membantu kaum hawa dengan menggunakan kaedah 'wakaf zurriy' atau 'wakaf keluarga', kaedah 'hibah' dan juga kaedah 'hibah amanah'. Walaupun begitu, ia tetap menjadi isu jika hasrat pemilik asal tanah tersebut tidak dapat dibuktikan dengan bukti yang kukuh. Adakah pemilik asalkan mengikut konsep pewarisan secara adat, wakaf atau hibbah. Jika atas dasar wakaf, sudah tentu ia akan melibat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Oleh kerana itulah perlunya pengesahan hasrat asal pemilik sesuatu tanah itu. Sekiranya ia telah didaftarkan di pejabat tanah atau mana-mana kaedah dokumen rasmi, maka permasalahan status tanah dianggap selesai. Kerana sesuatu dokumen boleh dijadikan bukti yang kukuh dalam pembuktian melainkan terdapat pihak-pihak berjaya membuktikan timbulnya keraguan terhadap status keaslian dokumen rasmi tersebut.

Namun yang menjadi isunya jika dokumen tersebut hanya bersifat persendirian atau hanya dibuat melalui lisan sepertimana yang diamalkan oleh orang-orang terdahulu, maka sudah tentu maklumat tersebut perlu dibuktikan. Terdapat beberapa kaedah boleh digunakan di antaranya melalui sumpah *al-mudda'i* dan seorang saksi. Ini kerana tanah adat juga dikategorikan sebagai mal atau harta, maka tidak menjadi kesalahan untuk menerima sumpah *al-mudda'i* dan seorang saksi dalam membuat kesahan status dokumen. Kaedah pengesahan melalui sumpah *al-mudda'i* dan seorang saksi adalah selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang

bermaksud: *Sesungguhnya Rasulullah SAW telah membuat penghukuman berdasarkan yamīn al-mudda'i dan seorang saksi.* Selain itu dikukuhkan pula dengan Seksyen 88 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

KESIMPULAN

Kertas kerja ini sememangnya menjuruskan kepada sejauh manakah penerimaan sumpah *al-mudda'i* dan seorang saksi dalam mengesahkan status tanah adat yang dibuat secara dokumen persendirian atau secara lisan dan seumpamanya. Oleh kerana tanah adat di bawah kategori mal, sumpah *al-mudda'i* dan seorang saksi yang telah memenuhi syarat-syaratnya boleh diterima sebagai kaedah pembuktian. Ini kerana setiap pendakwaan perlu disokong dengan keterangan-keterangan yang kukuh. Tanpa sokongan bukti-bukti yang dapat meyakinkan mahkamah, maka pendakwaan tersebut dianggap tidak bernilai. Pembuktian yang kuat amat penting bagi memastikan tiada perlanggaran hak berlaku di antara pihak-pihak dan inilah matlamat sebenar sistem kehakiman Islam. Kenyataan bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim (1998) yang bermaksud: *Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya.*

RUJUKAN

- Abd Al-Mutalib Abd Razak Hamdan, 2007. *Al-Da'Wa Wa Ithbatihā Fi Al-Fiqh Al-Jina'i Al-Islami*. Al-Iskandariyah: Dar Al-Fikr Al-Jami'.
- Abu Daud, Sulaiman Ibn Al-Asy'ath Al-Sajistani Al-Azdi. T.Th. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Al-Baihaqiy, Ahmad Bin Al-Hussain Bin Ali. 1992. *Al-Sunan Al-Kubra*. Beirut Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muḥammad Ibn Isma'il, 1422h. *Sahih Al-Bukhari*. Kitab Al-Syahadah. Cetakan Ke-3. Beirut: Dar Al-Fikr Wa Al-Yamamah.
- Al-Kasaniy, Abu Bakar Ibn Masoud Al-Kasani Al-Hanafi. 1986. *Badai' Al-Sanai' Fii Tartib Al-Syarai'*. Cetakan Kedua. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi.
- Al-Majma' Al-A'La Li Syu'un Al-Islamiyyah, 1387 H. *Mausu'Ah Jamal Abd Al-Nasir Fi Al-Fiqh Al-Islamiy*. Al-Qaherah: Tab'Ah Al-Ahram Al-Tijariyyah.
- Al-Mawardiyy, 1999. *Al-Hawi Al-Kabir Fii Al-Fiqh Mazhab Al-Imam Al-Syafi'I*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Al-Qurtubiy, Abu Umar Yusof Ibn Abdullah. 1980. *Al-Kafi Fii Fiqh Ahli Al-Madinah*. Al-Riyadh: Maktabah Al-Riyadh Al-Hadithah.
- Al-Syarbini, Muhammad ibn Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila*

- Al-Tarmizi, Muhamad Ibn Isa Ibn Saurah. 1975. *Sunan Al-Tarmizi*. Al-Qaherah: Mustafa Al-Bab Al-Halabiy.
- Al-Zuhailiy, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar Al-Fikr Al-Mu'asir.
- Al-Zuhailiy, Muhammad Mustafa. (1994). *Wasail al-Ithbat fi al-Syariah al-Islamiyyah wa-Muamalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Mu'ayyad.
- Ibn Abi Dam, Ibrahim ibn 'Abdullah. (1987). *Kitab Adab al-Qaḍa'*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar ibn Abd Aziz. 1992. *Radd al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Farhun, Muḥammad. (1995). *Tabṣirah al-Ḥukkam*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Muflih, Muhammad. *Kitab al-Furu'*. (2003). Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- Ibn Nujaim, Zainuddin ibn Ibrahim ibn Muḥammad. (2002). *Al-Baḥr al-Ra'iq Syarḥ Kunz al-Daqa'iq*. Bayrut: Dar al-Iḥya' al-Turath al-'Arabiyy,.
- Ibn Qayyim, 'Alam al-Muaqi'in 'an Rabbi al-'Alamin. (1991). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim, Syamsuddin Abi 'Abdillah Muḥammad ibn Abi Bakr ibn Ayyub. (2007). *Al-Turuq al-Ḥukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*. Makkah al-Mukarramah: Dar 'Alam al-Fawa'id.
- Ibn Qudamah, Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad. (1994). *Al-Kafi fii fiqh al-Imam Ahmad*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad ibn Muhammad. (1996). *Mughni*. Al-Qaherah: Maktabah al-Qaherah.
- Ibnu Abidin. (1995). *Hasyiah Rad al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Syarḥ Tanwir al-Absar fii Fiqh Mazhab al-Imam Abi Hanifah*. Beirut: Dar al-Fikr
- Jal Zabdi Mohd. Yusoff. (2008). *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mualimin M.S et.al. (2017). *Justifikasi Hukum Syarak Ke Atas Amalan Adat Perpatih Dalam Pewarisan Tanah Adat/Ulayat Di Indonesia Dan Malaysia*. Malaysia Journal of Syariah and Law. VOL 5 (KHAS) 2017. <https://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjsl/article/view/44>
- Muslim, Muslim Bin Al-Hujjaj Al-Qushairiy Al-Nisaburiy. T.Th. *Sahih Muslim Bi Syarhi Imam Al-Nawawi*. Beirut: Dar Iḥya' Al-Turath Al-Arabiyy.
- Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang Kedah. ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Adat Temenggong](https://ms.wikipedia.org/wiki/Adat_Temenggong). 30 September 2022)
- Wan Abdul Fattah W.I. (2020). *Keterangan Dokumentar Menurut Fiqh dan Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.